



10 September 2021
10 September 2021
P.U. (A) 360

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN
(PENGEQUALIAN) (NO. 2) 2021

*FINANCIAL SERVICES
(EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) (No. 2) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Mac 2022.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan—

(a) Hydor AS, suatu agensi insurans yang didaftarkan di Norway, daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta bagi maksud menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi suatu kapal dengan 30,000 berat tan kasar atau kurang bagi tempoh dua tahun; dan

(b) anggota Kumpulan Kelab Perlindungan dan Indemniti Antarabangsa (IGP&I) daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta bagi maksud menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi suatu kapal dengan 30,000 berat tan kasar atau kurang bagi tempoh dua tahun.

(2) Dalam perenggan ini, “insurans perlindungan dan indemniti” ertinya insurans perlindungan dan indemniti yang ditawarkan oleh Hydor AS atau anggota Kumpulan Kelab Perlindungan dan Indemniti Antarabangsa (IGP&I), mengikut mana-mana yang berkenaan, secara usaha sama dengan Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.